



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERBANDINGAN KEBERKESANAN KADEAH PEMBELAJARAN

KOPERATIF MODEL JIGSAW BAGI TAJUK BUMI, BULAN DAN

MATAHARI

THUNISHAA A/P VEERAPPEN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



LAPORAN KERTAS PROJEKINI
DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIOLOGI)
(MOD KERJA KURSUS)

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui perbandingan keberkesanan salah satu kaedah Pembelajaran Koperatif iaitu Jigsaw sebagai satu pendekatan untuk meningkatkan pencapaian akademik dan minat murid terhadap penggunaan pendekatan ini. Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen yang melibatkan 60 orang murid tahun 5 yang terdiri daripada dua kelas yang berlainan dari SJK (T) Jalan Fletcher yang mempunyai pencapaian tahap akademik yang berbeza dalam mata pelajaran Sains. Murid-murid dari dua kelas tersebut akan diajar salah satu tajuk Sains diyakini susah dari persepsi murid iaitu tajuk Bumi, Bulan dan Matahari selama 5 kali perjumpaan. Data kuantitatif dikumpul menggunakan ujian pra dan pos dan soal selidik. Penganalisan data dibuat menggunakan ujian-*t*, ujian ANCOVA dan ujian korelasi Pearson. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat peningkatan min skor ujian pra kelas A daripada $M=8.40$ kepada $M=14.13$ dan kelas B daripada $M=6.37$ kepada $M=8.23$ dalam ujian pos. Ini menunjukkan peningkatan skor yang ketara bagi murid kelas A berbanding dengan kelas B tetapi pendekatan Jigsaw ini membawa kesan kepada pencapaian kedua-dua kelas. Ujian ANCOVA pula menunjukkan bahawa wujud kesan kaedah PdP terhadap pencapaian murid [$F(1,57) = 289.209$, $p < .05$]. Ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif dengan kekuatan baik dan signifikan di antara pencapaian murid yang mengikuti pembelajaran Koperatif Jigsaw dengan tahap murid dengan nilai $r = .852$, $p < .01$. Hasil pemerhatian juga menunjukkan perlakuan yang positif semasa pendekatan Jigsaw digunakan. Ini menunjukkan penggunaan teknik Jigsaw berpotensi untuk meningkatkan pencapaian akademik dan minat murid tahun 5 dalam tajuk Bumi, Bulan dan Matahari.



ABSTRACT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

This study aims to investigate the comparison of the effectiveness of one of the cooperative learning which is Jigsaw as an approach to improve students' academic achievement and interest on the approach that used. The method used in this study was quasi experimental involving 60 Year five students from two classes with different achievement in Science subject from SJK (T) Jalan Fletcher. Students were taught for five meetings on Sun, Earth and Moon topic which are believed to be one of the hardest topic for students to understand. Quantitative data were gathered using pre-test and post-test and questionnaire. Data analysis was done using the t-test, ANCOVA test and Pearson correlation test. The findings showed that, the mean score of pre-test of class A has increased from $M=8.40$ to $M=14.13$ the mean score of pre-test of class B has increased from $M=6.37$ to $M=8$, in the post test. It showed significant improvement of the test score for students from class A compared to class B but Jigsaw approach is effective to both class students. Furthermore, the ANCOVA test showed that effectiveness of the approach in academic achievement [$F(1,57) = 289.209$, $p < .05$]. Moreover, the Pearson corelation test showed that there is a positive relationship with good stregh and significant between students' achievement with the interest during the Jigsaw approch. Observation also showed positive attitude of the students during the lesson. This implies that the use of Jigsaw technique has a potential to improve academic achievement and interest of Year five students in learning Sun, Earth and Moon topic.



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Pengakuan	ii
	Penghargaan	iii
	Abstrak	iv
	Abstract	v
	Kandungan	vi
	Senarai Jadual	ix
	Senarai Rajah	x
	Senarai Lampiran	x
	Senarai Singkatan	xi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Persoalan Kajian	9
1.5	Hipotesis Kajian	9
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Batasan Kajian	13



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.9	Definisi Operasional	15
-----	----------------------	----



05-4506832



1.10 Kesimpulan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun 18



ptbupsi

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Konsep Pembelajaran Berpusatkan Murid	20
2.3	Pembelajaran Koperatif	21
2.4	Model Pembelajaran Koperatif Jigsaw	24
2.5	Kajian Lampau Mengenai Pembelajaran Koperatif	29
2.6	Kesimpulan	36



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.3	Sampel Kajian	39
3.4	Instrumen Kajian	40
3.5	Prosedur Kajian	43
3.6	Pentadbiran Kajian	44
3.7	Peringkat Analisis Data	45
3.8	Kesimpulan	46



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

 05-4506832	 4.1 Pendahuluan	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	47	 ptbupsi
	4.2 Jenis-jenis Penganalisan Data			48	
	4.3 Profil Sampel Kajian			49	
	4.4 Hasil Dapatkan Mengikut Hipotesis			51	
	Kajian				
	4.5 Kesimpulan			59	

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

 05-4506832	 5.1 Pendahuluan	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	60	 ptbupsi
	5.2 Ringkasan Kajian			61	
	5.3 Perbincangan Dapatkan kajian			62	
	5.4 Implikasi Kajian			68	
	5.5 Cadangan Kajian Lanjutan			70	
	Kesimpulan			71	

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Gred Pemarkahan mengikut bahagian (100%)	16
1.2	Gred Pemarkahan mengikut bahagian (15 soalan)	17
4.1	Maklumat responden	50
4.2	Min pencapaian ujian pra bagi murid kelas A dan kelas B	52
4.3	Min pencapaian ujian pasca bagi murid kelas A dan kelas B	53
4.4	Min pencapaian ujian pra dan pasca bagi murid kelas A	54
4.5	Min pencapaian ujian pra dan pasca bagi murid kelas B	55
4.6	Min dan sisihan piawai bagi pencapaian ujian pasca	56
4.7	Hasil analisis ANCOVA	57
4.8	Korelasi di antara pencapaian murid dengan tahap minat	58
4.9	Kesimpulan dapatan kajian	59

SENARAI SINGKATAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
ANCOVA	-Analysis of Covariance			
KBSM	-Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah			
KOMP	-Kaedah Pembelajaran Kompetitif			
KPM	-Kementerian Pendidikan Malaysia			
PK	-Pembelajaran Koperatif			
SAPS	-Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah			
SJK(C)	-Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)			
SJK(T)	-Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)			
SPSS	-Statistical Packages for Social Sciences			
STAD	- Student Teams- Achievement Divisions			
UPSR	-Ujian Pencapaian Sekolah Rendah			

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sains merupakan salah satu matapelajaran yang sangat penting dalam era menuju kemajuan sains dan teknologi. Untuk mempelajari mata pelajaran ini, murid-murid perlu tekun untuk berfikir secara bersistem dalam menyelesaikan masalah serta membuat keputusan di samping menggalakkan pembelajaran bermakna selain mencabar pemikiran murid.

Namun, para guru semakin mendengar rungutan daripada murid bahawa mata pelajaran ini adalah susah dan membosankan. Penguasaan fakta dan kegagalan memahami serta membuat perkaitan kemahiran-kemahiran pengajaran dan pembelajaran sebelumnya yang mungkin bersinambungan dengan tajuk baru yang akan dipelajari menjadi punca bagi masalah ini. Oleh yang demikian, pembelajaran sains akan menjadi

lebih sukar bagi murid-murid sehingga hilang minat terhadap mata pelajaran itu akibat kesukaran memahaminya pada peringkat awal.

Hal ini menjadi lebih rumit lagi dengan mempelajari tajuk-tajuk sains yang jauh daripada imaginasi murid-murid seperti tajuk yang melibatkan sistem suria. Murid-murid tidak dapat mengimajinasi kejadian yang berlaku kerana tidak dapat melihat serta merasa dengan sendiri apa yang mereka akan pelajari.

Maka, guru memainkan peranan sebagai seorang pendidik dengan membuat perancangan yang baik serta menarik dan juga menggunakan pelbagai pendekatan, kemahiran dan strategi untuk menjadikan suasana pembelajaran lebih kondusif dan bermotivasi kepada murid dan secara tidak langsung meningkatkan prestasi mereka dalam mata pelajaran sains. Adalah nyata bahawa sistem pendidikan tradisi iaitu sistem pendidikan konvensional tidak lagi diberi perhatian oleh pendidik dan didapati pedagogi yang berkonsepkan ‘chalk and talk’ kurang berkesan pada semua situasi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Sin Chow Lai, 2006).

Pendekatan yang disarankan yang menggalakkan murid-murid melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran serta memberi peluang untuk mengamalkan pengajaran rakan sebaya adalah pembelajaran koperatif. Justeru, salah satu kaedah daripada pendekatan pembelajaran koperatif iaitu ‘Jigsaw’ dipilih untuk melihat keberkesanannya dalam mengajar tajuk Bumi, Bulan dan Matahari.

Pendekatan Jigsaw dikenali sebagai salah satu strategi dalam Pembelajaran Koperatif. Pendekatan ini memberi ruang kepada penglibatan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan minat murid terhadap pelajaran dan bekerjasama untuk menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna. Strategi ini menyerupai Jigsaw Puzzle di mana setiap ahli kumpulan menyumbangkan sekeping puzzle yang berupa maklumat untuk dikongsi bersama murid lain. Justeru, komitmen yang tinggi daripada para murid dan juga guru serta perancangan yang rapi diperlukan (Felder & Brent, 2004)

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Malaysia menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu (Wan Zahid, 2000). Pendemokrasian dalam pendidikan di Negara kita memberikan penekanan kepada sistem pendidikan yang liberal serta kondusif untuk semua peringkat pelajar yang mempunyai latar belakang yang berlainan.

Masalah ini menjadi lebih rumit semasa mempelajari tajuk-tajuk daripada tema Menyiasat Bumi dan Alam Semesta. Walaupun tema ini adalah tema yang menarik dan melibatkan konsep yang berkaitan dengan fenomena sehari-hari, bukan semua yang dialami boleh memberikan gambaran yang jelas kepada pemerhati kerana konsep yang terlibat dalam fenomena alam susah difahami malah sangat sukar diterangkan secara saintifik

(Parker & Heywood, 1998; Sharp, 1996; Summers & Mant, 1995). Murid-murid selalunya mengalami salah faham konsep atau miskonsepsi apabila mendapat gabungan idea daripada pemerhatian fenomena sehari-hari dengan konsep yang dipelajari di bilik darjah.

Oleh yang demikian, tugas guru adalah untuk membuat perancangan yang baik serta menarik dan menggunakan pelbagai pendekatan untuk menjadikan suasana pembelajaran lebih kondusif dan bermotivasi kepada pelajar dan secara tidak langsung meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran (Abd. Karim Desa, 1994). Pernyataan ini juga disokong oleh Hj. Mohd Ali (1994), bahawa kaedah pengajaran yang kreatif dan menyeronokkan menarik minat murid untuk belajar serta membantu mereka mengukuhkan kefahaman dan ingatan dalam mata pelajaran tersebut.



Selain itu, guru-guru juga dinasihatkan untuk memilih kaedah, strategi dan pendekatan yang berpusatkan murid yang menggalakkan penglibatan murid secara aktif. Ini disokong juga oleh Dewer & Tammy (1996) bahawa pelajar-pelajar yang berjaya adalah pelajar-pelajar yang melibatkan secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Salah satu pendekatan yang sesuai adalah pembelajaran koperatif yang menggalakkan pembelajaran secara kumpulan. Pendekatan ini bukan sahaja menggalakkan murid-murid melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran dengan memberikan idea, berbincang dan belajar melalui pengalaman mereka sendiri malah memberi peluang

untuk mengamalkan pengajaran rakan sebaya, memupuk semangat kerjasama, perkembangan sahsiahan dan kemahiran sosial.

Mengikut Teori Perkembangan Kognitif yang dipelapor oleh Piaget (1926), perkembangan kognitif kanak-kanak dibahagikan kepada empat peringkat iaitu peringkat sensorimotor, pra operasi, operasi konkrit dan operasi formal. Pada operasi formal iaitu dari umur 11-15 tahun, murid-murid sudah berupaya untuk berfikir secara logik dan menyelesaikan masalah.

Justeru, salah satu kaedah daripada pendekatan pembelajaran koperatif yang dapat melibatkan murid-murid secara aktif iaitu ‘Jigsaw’ dipilih untuk melihat keberkesanannya dalam mengajar tajuk Bumi, Bulan dan Matahari iaitu salah satu tajuk sains bagi tahun 5.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk meninjau keberkesanannya kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw terhadap murid tahun 5 bagi mengajar salah satu tajuk Sains iaitu Bumi, Bulan dan Matahari. Mata pelajaran Sains dianggap susah dan membosankan daripada sudut persepsi murid terutamanya tajuk-tajuk yang tidak dapat diimajinasikan oleh murid dan

salah satu daripadanya adalah tajuk Bumi, Bulan dan Matahari (Nor Izzah Adibah dan Badrul Muin, 2013).

Menurut Parker & Heywood (1998), Sharp (1996) dan Summers & Mant (1995), tema Menyiasat Bumi dan Alam Semesta adalah tema yang menarik dan melibatkan konsep yang berkaitan dengan fenomena sehari-hari, tetapi dinyatakan bahawa bukan semua yang dialami boleh memberikan gambaran yang jelas kepada pemerhati kerana konsep yang terlibat dalam fenomena alam susah difahami malah sangat sukar diterangkan secara saintifik. Penyesuaian dan gabungan idea daripada pemerhatian fenomena sehari-hari dengan konsep yang dipelajari di dalam bilik darjah dikatakan menghasilkan salah faham atau miskonsepsi.

Pada masa yang sama, Pendidikan Malaysia pula menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan dan menggalakkan guru-guru menggunakan kaedah atau strategi yang berpusatkan murid kerana ternyata bahawa kaedah pengajaran tradisional tidak sesuai digunakan dalam semua situasi semasa mengajar (Wan Zahid, 2000).

Terdapat pelbagai kaedah pembelajaran berpusatkan murid yang boleh diaplikasikan dan salah satu daripadanya adalah kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw. Menurut salah satu peringkat Teori Perkembangan Kognitif yang dipelapor oleh Jean Piaget (1926) iaitu pada operasi formal yang menyatakan dari umur 11 hingga 15 tahun,

murid-murid sudah berupaya untuk berfikir secara logik dan menyelesaikan masalah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi

Kaedah ini adalah salah satu kaedah yang kreatif dan melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran yang bukan sahaja dapat menarik minat murid untuk belajar, malah dapat membantu mereka mengukuhkan kefahaman dan ingatan dalam mata pelajaran tersebut (Hj. Mohd Ali., 1994).

Kajian tentang keberkesanan kaedah ini telah banyak dilakukan. Namun, tidak banyak kajian tentang keberkesanan kaedah ini di sekolah rendah telah dijalankan. Justeru, kajian ini ingin meninjau dan mengetahui sama ada kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw berkesan pada murid-murid bagi mengajar Sains di sekolah rendah. Maka, dalam kajian ini, keberkesanan kaedah ini dilihat untuk mengajar salah satu tajuk yang diyakini susah bagi murid-murid iaitu tajuk Bumi, Bulan dan Matahari di SJK (T) Jalan Fletcher (Nor Izzah Adibah dan Badrul Muin, 2013).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Maklum mengetahui, SJK(T) Jalan Fletcher adalah satu-satunya sekolah tamil di daerah Kuala Lumpur dan murid-murid daripada sekolah ini terdiri daripada murid-murid yang mempunyai latar belakang serta mentaliti penduduk di kawasan pedalaman kerana dipindah ke rumah bertingkat disebabkan pemugaran tanah. Walaupun murid-murid ini daripada daerah Kuala Lumpur, mereka masih mempunyai mentaliti dan latar belakang keluarga serta masalah yang sama seperti murid-murid sekolah tamil yang lain yang terletak di kawasan pedalaman. Justeru, keberkesanan kedah pembelajaran koperatif



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Jigsaw dapat digeneralisasikan dan dapat digunakan di sekolah-sekolah tamil yang lain untuk mengajar tajuk Bumi, Bulan dan Matahari bagi murid-murid tahun 5.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah untuk menyelidik sama ada terdapat peningkatan pencapaian murid dalam tajuk Bumi, Bulan dan Matahari antara murid daripada dua kelas yang berlainan yang mempunyai pencapaian tahap akademik yang berbeza. Kajian ini juga dijalankan untuk menyelidik perhubungan antara keberkesanan kaedah pembelajaran koperatif iaitu ‘Jigsaw’ terhadap pencapaian murid tahun 5 SJK(T) Jalan Fletcher dalam tajuk Bumi, Bulan dan Matahari dan minat mereka terhadap penggunaan pendekatan ini.

1.5 Objektif Kajian

Antara tujuan utama kajian ini adalah untuk;

- Mengenalpasti sama ada terdapat peningkatan pencapaian murid dalam tajuk Bumi, Bulan dan Matahari antara murid daripada kelas pertama dan kelas kedua.
- Mengenalpasti minat murid terhadap penggunaan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw dalam pembelajaran tajuk Bumi, Bulan dan Matahari.

- c. Mengenalpasti perhubungan antara pencapaian dan minat murid dalam tajuk Bumi, Bulan dan Matahari.

1.6 Persoalan Kajian

- Adakah terdapat peningkatan pencapaian murid dalam tajuk Bumi, Bulan dan Matahari antara murid daripada kelas A dan kelas B?
- Adakah murid-murid berminat terhadap penggunaan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw dalam pembelajaran tajuk Bumi, Bulan dan Matahari?
- Adakah terdapat hubungan antara pencapaian dan minat murid dalam tajuk Bumi, Bulan dan Matahari?

1.7 Hipotesis

Berhubung dengan persoalan yang dikemukakan, hipotesis-hipotesis nol yang akan diuji dalam kajian ini dengan berdasarkan aras signifikan $p<0.05$ adalah seperti berikut:

Hipotesis Nul 1:

H_0 1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian ujian pra bagi murid di kelas A dan kelas B.

Hipotesis Nul 2:

H02 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian ujian pasca bagi murid di kelas A dan kelas B.

Hipotesis Nul 3:

H03 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian ujian pra dan pasca bagi murid di kelas A.

Hipotesis Nul 4:

H04 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian ujian pra dan pasca bagi murid di kelas B.

Hipotesis Nul 5:

H05 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min pencapaian ujian pasca bagi murid kelas A dan kelas B bagi ujian pra yang dimalarkan.

Hipotesis Nul 6:

H06 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara min pencapaian ujian pasca dengan minat bagi murid di kelas A dan B.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



05-4506832
pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun






ptbupsi

TEORI MOTIVASI

Seseorang murid mencapai matlamat sendiri hanya apabila kumpulannya mencapai matlamat tersebut yang mendorong murid untuk mengambil inisiatif diri sendiri dalam usaha membantu ahli kumpulannya untuk belajar dan berjaya bersama.

TEORI KOGNITIF

Murid akan terlibat secara aktif dalam proses integrasi pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada untuk mencapai objektif pembelajaran yang dijalankan



05-4506832





pustaka.upsi.edu.my



PustakaTBainun



ptbupsi



Meningkatkan pencapaian murid tahun 5 dalam tajuk Bumi, Bulan dan Matahari.

Meningkatkan minat murid

Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.9 Kepentingan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Hasil dapatan kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw pada murid-murid di sekolah rendah kerana kaedah ini kurang dipraktikkan di sekolah rendah. Maka, kajian ini dapat membantu terutamanya guru-guru sekolah rendah untuk melaksanakan kaedah ini dalam proses pengajaran mereka ke arah peningkatan pencapaian serta minat murid untuk mengikuti aktiviti pembelajaran yang dijalankan.

Kajian ini juga bertujuan untuk membantu pengajaran guru untuk mencapai objektif yang dimatlamatkan. Tugas guru semakin mencabar di mana guru-guru terpaksa melaksanakan tugas-tugas pengurusan selain menjalankan proses pengajaran. Maka, hal ini menyebabkan guru-guru sering menghadiri mesyuarat, kursus atau bengkel yang diadakan berkaitan dengan jawatan atau tugas-tugas yang dipegang di sekolah.

Perkara ini menjadi salah satu punca kepada kegagalan guru-guru mempraktikkan pelbagai kaedah semasa mengajar kerana perlu mengejar masa untuk menghabiskan sukanan pelajaran. Keadaan ini menjadi lebih rumit di sekolah-sekolah yang berstatus Sekolah Kurang Murid kerana guru-guru memegang banyak tugas pengurusan. Maka, kajian ini dapat mendorong para guru kerana kaedah ini melibatkan penglibatan murid secara aktif dan guru pula memainkan peranan sebagai pembimbing sahaja.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Selain itu, kajian ini juga dapat mendorong murid-murid membuat perbincangan antara rakan sebaya dan melatih murid-murid menjadi guru muda. Selain itu, penggunaan kaedah ini juga menggalakkan pembelajaran kendiri kerana murid-murid akan melakukan pembelajaran di rumah supaya dapat menerangkan kepada rakan-rakan yang lain. Melalui kajian ini juga, murid akan dapat mengenalpasti gaya pembelajaran yang berkesan. Secara tidak langsung, ia membolehkan murid menumpukan perhatian, memproses dan mengingati maklumat serta dapat mengembangkan bakat dan potensi dalam diri mereka.

1.10 Batasan Kajian

Kajian eksperimen yang dijalankan ini adalah untuk melihat kaedah pembelajaran koperatif model Jigsaw terhadap murid tahun 5 dalam tajuk Bumi, Bulan dan Matahari di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Jalan Fletcher yang terletak di Kuala Lumpur. Kajian ini terbatas kepada kajian terhadap 60 orang murid tahun 5 yang terdiri daripada murid lelaki dan perempuan. Faktor jantina tidak diambil kira untuk tujuan kajian dan responden terdiri daripada kaum India sahaja.

Responden dalam kajian ini iaitu seramai 60 orang murid daripada SJK (T) Jalan Fletcher terdiri daripada kelas A (30 murid) dan kelas B (30 murid). Murid-murid daripada kelas A dan kelas B dijadikan sebagai kumpulan eksperimen. Murid-murid daripada kelas A terdiri daripada murid-murid yang mendapat pencapaian yang lebih

tinggi berbanding dengan murid-murid dalam kelas B dalam mata pelajaran Sains dalam ujian dalaman sekolah tersebut. Ini bermakna responden yang dipilih untuk kajian ini tidak dapat mewakili kesemua murid tahun 5 di semua negeri di Malaysia.

Selain itu, semua murid yang akan mengikuti kaedah pembelajaran ini dapat membaca dengan fasih supaya dapat bekerjasama antara ahli kumpulan untuk mencari serta berkongsi maklumat yang diperolehi. Jika, murid-murid tidak fasih membaca, murid-murid tidak dapat mencari maklumat serta menerangkan dalam kalangan rakan mereka dan hal ini secara tidak langsung melahirkan tanggapan negatif terhadap kaedah ini selain membosankan murid.

Namun demikian, kajian ini mungkin dapat dijadikan satu presis dan landasan untuk kajian yang lebih luas dan mendalam dalam mata pelajaran Sains atau mata pelajaran yang lain di sekolah rendah.

1.11 Definisi Operasional



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Berikut adalah merupakan definisi kepada istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.11.1 Pendekatan Koperatif Model Jigsaw

Pendekatan Koperatif Model Jigsaw merujuk kepada pola cara bekerja sebuah gergaji dimana murid-murid akan melakukan kegiatan belajar untuk mencapai tujuan bersama dengan bekerjasama dengan murid yang lain. Strategi ini juga memberi penekanan kepada penglibatan murid secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran (Ahmad dan Umi Kalthom, 2014). Menurut Slavin (1982), teknik pembelajaran kumpulan yang baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi terdiri daripada empat hingga lima orang murid yang mempunyai tahap kebolehan yang

berbeza. Pendekatan Koperatif Model Jigsaw digunakan di dalam kajian ini untuk mengajar tajuk daripada tema Menyiasat Bumi dan Alam Semesta iaitu Bumi, Bulan dan Matahari terhadap murid tahun 5daripada SJK (T) Jalan Fletcher. Seramai lima murid akan bekerjasama dalam kumpulan Jigsaw untuk membincangkan subtajuk yang diberikan kepada mereka.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi